



Buletin

Zulkaedah 1446H/Mei 2025

ACIS

Hari Guru: Pemacu Reformasi Pendidikan



eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Jejakmu Di Hati Kami: “Terima Kasih Cikgu”



Oleh:

Siti Zakiah binti Bahron

Guru Sekolah Menengah Kebangsaan
Ghafar Baba Masjid Tanah, Melaka



Nur Irdina Sofiya binti Redzuan

Bekas pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah
(KISAS) 2024

Dalam kehidupan setiap insan, wujud satu sosok mulia yang menjadi pemula kepada segala kejayaan – iaitu guru. Sejak awal langkah kita di alam pendidikan, gurulah menjadi individu pertama yang memperkenalkan kita kepada dunia ilmu, membentuk akhlak, dan menyemai nilai kehidupan yang murni. Peranan guru bukan sekadar menyampaikan fakta atau mengajar membaca dan menulis, malah lebih mendalam; mereka membentuk jiwa, mencorakkan pemikiran, dan menyuluh jalan yang seringkali gelap buat anak didiknya. Guru ibarat pelita dalam kegelapan membakar dirinya demi menerangi yang lain. Maka, bertepatanlah dengan konsep 5Mim iaitu guru sebagai Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid dan Muallim.

Setiap daripada kita pasti menyimpan kenangan indah bersama guru. Senyuman ikhlas seorang guru ketika menyambut kehadiran kita di pintu pagar sekolah di pagi hari, ketegasan seorang guru ketika menegur kesalahan kita, atau keprihatinan mereka saat kita menghadapi kesusahan. Kenangan-kenangan ini menjadi bekal emosi yang tidak akan pernah pudar. Biar masa terus berlalu, memori bersama guru kekal malar segar, terpahat kemas di hati sebagai pengajaran hidup yang tidak ternilai.

Atas segala jerih perih dan pengorbanan merekalah, hanya ucapan terima kasih mungkin terlalu kecil nilainya. Namun, ungkapan itu terzhahir dari hati yang penuh penghargaan. Guru telah mencurahkan segala keringat dan kesabaran dalam mendidik tanpa mengharap balasan, hanya kerana ingin melihat anak bangsa berjaya. Sejak dahulu lagi, guru diangkat sebagai tokoh yang dihormati dalam masyarakat. Ini kerana di tangan gurulah lahirnya para pemimpin, cendekiawan, doktor, jurutera, dan bahkan juga guru-guru baharu. Justeru, peranan guru amatlah besar sebagai ejen perubahan sosial yang menjadi asas utama kepada pembangunan sesebuah bangsa dan negara. Tanpa guru juga, tiadalah ilmu. Tanpa ilmu, gelaplah

masa depan masyarakat. Setiap hari, guru memulakan tugasnya dengan penuh tekad dan tanggungjawab. Bukan mudah ya untuk mengendalikan sekelompok murid dengan pelbagai latar belakang, sikap dan keupayaan. Namun, dengan penuh ketabahan dan keikhlasan, mereka melaksanakan tugas mendidik bukan sahaja minda, tetapi juga hati dan peribadi. Kata-kata lembut mereka mampu menenangkan jiwa yang gelisah, sementara ketegasan mereka membentuk disiplin yang kukuh dalam diri murid. Guru, dikaulah ***Obor Ilmu Yang Membina Generasi Madani Unggul.***

Ironinya, guru juga tidak pernah memilih siapa yang harus diberi perhatian. Bagi mereka, setiap murid adalah permata yang perlu digilap, walau ada yang mungkin kelihatan suram pada awalnya. Teringat kata-kata seorang guru Bahasa Arab di sekolah anakandaku “Antum adalah qumamah. Adakah antum semua ingin menjadi qumamah selamanya atau qumamah yang menjadi permata yang telah digilap?”. Bertitik tolak dari ini jelas menunjukkan semangat guru yang sanggup meluangkan masa tambahan demi memastikan tidak ada seorang pun anak muridnya tercicir. Ada yang sanggup berkorban masa rehat, tenaga, bahkan wang ringgit demi anak didik yang dikasihi seperti anak sendiri. Terima kasih guru.

Saban tahun seusai peperiksaan awam, maka berakhirlah sesi persekolahan di peringkat menengah. Secara tidak langsung seorang demi seorang murid melangkah pergi, beranjak dewasa, dan membawa haluan sendiri. Namun kesan ajaran seorang guru kekal terpatrit dalam setiap langkah kehidupan. Kata-kata nasihat yang ikhlas, teguran yang membina, serta bimbingan yang sabar menjadi bekal perjalanan hidup. Inilah “jejak” yang tidak dapat dipadam oleh masa – kesan mendalam seorang guru dalam membentuk insan. Dalam Islam, kedudukan guru amat tinggi kerana mereka menyambung tugas para nabi dalam menyampaikan ilmu dan membimbing manusia ke jalan yang benar. Sabda Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para nabi.”

(Hadis Riwayat Abu Dawud, Tirmizi)

Guru, sebagai penyampai ilmu, tergolong dalam kalangan mereka yang mewarisi tugas kenabian ini. Justeru, jejak mereka bukan sahaja hidup dalam sanubari murid, tetapi juga dinilai tinggi di sisi Allah SWT. Setiap ilmu yang diajarkan dan diamalkan oleh murid akan menjadi pahala yang mengalir berterusan buat guru, meskipun jasad mereka telah tiada. Ini dijelaskan dalam hadis lain:

“Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, dan anak soleh yang mendoakannya.” (Hadis Riwayat Muslim)

Setiap huruf yang diajarkan, setiap ilmu yang ditanam, akan terus mengalir sebagai saham akhirat buat guru. Itulah keindahan dan kemuliaan profesyen ini – memberi tanpa syarat, dan menerima ganjaran yang tidak putus-putus. Murid mungkin terlupa sesetengah fakta atau teori yang diajar, namun mereka tidak pernah melupakan sikap, kasih sayang, dan kesungguhan seorang guru. Inilah legasi sebenar seorang pendidik, meninggalkan kesan yang membentuk akhlak, menyemai nilai, dan mencetus perubahan. Maka, wajarlah jika dikatakan bahawa walau berjarauhan, walau berbeza zaman dan tempat, **Jejakmu Tidak Akan Pernah Terpadam.**

Perpisahan Hanya Secara Fizikal- Kalimah ini cukup unik. Hubungan antara guru dan murid bukanlah sekadar hubungan akademik yang tamat sebaik sahaja tamatnya sesi persekolahan. Sebaliknya, ia adalah ikatan jiwa yang dibina atas dasar ilmu, kasih sayang, dan hormat. Walaupun fizikal mungkin berjauhan, hati dan kenangan tetap terpaut. Itulah keistimewaan hubungan ini – berpisah hanya secara zahir, tetapi tetap bersama dalam doa dan ingatan. Ramai dalam kalangan kita yang masih mengingati nama guru pertama yang mengajar membaca, atau guru yang memberi semangat sewaktu kita hampir berputus asa. Ada juga yang tetap menghubungi guru walaupun sudah berdekad lamanya berpisah, semata-mata untuk mengucapkan terima kasih. Ini membuktikan bahawa kasih murid kepada guru adalah ikhlas dan mendalam.

Islam sangat menekankan adab terhadap guru, sebagai tanda menghargai ilmu dan barakah yang disampaikan. Imam al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin menyatakan bahawa antara adab murid terhadap gurunya ialah mendoakan mereka walaupun selepas mereka tiada. Ini menunjukkan hubungan itu tidak terputus walaupun setelah berpisah atau meninggal dunia. Terdapat juga nas al-Quran yang menggalakkan kita mendoakan orang yang mengajarkan kita kebaikan. Firman Allah SWT:

"Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang yang mengikutimu dari kalangan orang yang beriman."
(Surah Asy-Syu'ara', ayat 215)

Ayat ini mengajar kita agar sentiasa merendah diri kepada mereka yang telah memberi bimbingan, termasuklah guru, sebagai tanda taat dan hormat kepada orang yang membawa kita ke jalan kebaikan.

Malah, Rasulullah SAW pernah bersabda:

"Bukanlah daripada golongan kami orang yang tidak menghormati orang tua, tidak menyayangi yang muda dan tidak mengiktiraf hak orang alim di antara kami."
(Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Hadis ini menggariskan bahawa menghormati guru yang berilmu adalah sebahagian daripada akhlak Islam yang sejati.

Maka, walaupun masa berlalu dan tempat berbeza, kasih dan hormat kepada guru tetap utuh. Perpisahan hanyalah dari segi zahir tetapi dalam hati setiap murid, nama guru kekal hidup, menjadi cahaya penunjuk arah dalam menempuh kehidupan.

Ungkapan **"Terima kasih, cikgu"** mungkin kedengaran ringkas, namun sarat dengan makna yang mendalam. Ia membawa bersama penghargaan yang tidak terhingga atas segala tunjuk ajar, kesabaran, dan keikhlasan guru dalam mendidik kita tanpa jemu. Dalam dunia yang semakin pantas dan penuh cabaran ini, peranan guru tetap relevan dan sangat diperlukan, malah lebih mencabar daripada sebelumnya.

Penghargaan kepada guru tidak seharusnya terbatas pada Hari Guru sahaja. Ia harus dizahirkan sepanjang masa sama ada dalam bentuk kata-kata, tindakan, atau sekadar doa. Murid yang berjaya seharusnya terus menyanjung dan mengenang jasa guru, kerana kejayaan itu tidak akan mungkin tercapai tanpa asas pendidikan dan bimbingan yang diberikan oleh mereka.

Sebagai masyarakat, kita juga harus memartabatkan profesion perguruan. Guru bukan sekadar pekerja yang menjalankan tugas, tetapi pencetus perubahan dan penentu arah masa depan negara. Wajar untuk kita memperluas ruang penghargaan kepada mereka – seperti menganjurkan program alumni, anugerah guru inspirasi, atau sekurang-kurangnya menghantar ucapan terima kasih secara peribadi. Tindakan kecil seperti ini mampu memberi makna besar kepada hati seorang guru.

Guru tidak pernah meminta dikenang, tetapi setiap hati murid yang ikhlas pasti tidak mampu melupakan. Maka, dalam setiap doa kejayaan kita, sebutlah nama mereka. Dalam setiap pencapaian kita, ingatlah jasa mereka. Dan dalam setiap langkah kita ke hadapan, bawa bersama nilai dan didikan yang telah mereka tanamkan.

Kesimpulannya, guru ibarat mata air yang mengalirkan ilmu tanpa henti. Jejak mereka tidak akan pernah hilang kerana setiap insan yang pernah disentuh oleh tunjuk ajar mereka adalah bukti hidup terhadap jasa yang telah ditabur. Dalam dunia yang semakin mencabar ini, guru tetap menjadi penyuluh, penyabar, dan pembina harapan. Tiada yang lebih tinggi selain doa dan penghargaan yang ikhlas buat mereka.

Sebagai penutup, hayatilah pepatah ini:

Tangan guru yang mengayun pena, mampu menggoncang dunia

يَدُ الْمُعَلِّمِ الَّتِي تَحْرُكُ الْقَلَمَ، قَادِرَةٌ عَلَى تَغْيِيرِ الْعَالَمِ

Semoga jasa dan pengorbanan para guru terus dikenang, dihargai dan dibalas dengan kebaikan yang berpanjangan, dunia dan akhirat. Terima kasih, cikgu. Budimu kami sanjung, jejakmu kekal abadi dalam hati kami.

SERAMBI WAHYU

Menghormati Guru Al-Quran

Berkata Imam al-Syatiibi:

جَزَى اللَّهُ بِالْخَيْرَاتِ عَنَّا أَيْمَةً
لَنَا نَقْلُوا الْقُرْآنَ عَذْبًا وَسَلْسَلًا

Maksudnya: **Semoga Allah SWT membalas dengan kebaikan kepada imam-imam qurra', yang mengajarkan al-Quran kepada kita semua secara sempurna dan bersambung sanad.**

-Dr. Redha-